

Melayu mesti kuasai ekonomi

BH - 21/8/2006

Kuasa politik dimiliki akan hilang pengaruh, alami tekanan, bakal pupus: Najib

Oleh Abdul Razak Raaff

MUAR: Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak mengingatkan orang Melayu mereka berkemungkinan kehilangan kuasa politik jika dominasi kaum itu tidak diterjemahkan ke bidang lain.

"Kuasa politik yang dimiliki orang Melayu akan kehilangan pengaruh, mengalami tekanan, malah pupus satu hari nanti jika ia tidak diterjemahkan kepada kekuasaan dalam bidang lain," katanya ketika merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Muar di sini petang semalam.

Hadir sama Pengerusi Badan Perhubungan Umno Johor yang juga Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman dan Ketua Umno Bahagian Muar yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Maharani, Datuk Ismail Mohd Shah.

Beliau yang juga Timbalan Per-

dana Menteri berkata kegagalan menguasai pelbagai bidang menyukarkan kerajaan bersaing dengan kuasa besar dan menjadikan masyarakat Melayu diiktiraf bangsa berjaya.

"Kita jangan lupa negara seperti China dan India kini mula berkembang dan menjadi pesaing kepada kuasa besar seperti Amerika Syarikat.

"Kita tidak boleh lagi duduk dalam kepompong atau bawah tempurung, sebaliknya kena memikirkan strategi terbaik supaya dunia Melayu tidak tenggelam di persada antarabangsa," katanya.

Ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Umno Bahagian Ledang, di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Tangkak, dekat sini, berkata perjuangan Umno selama 60 tahun adalah untuk membawa perubahan kepada orang Melayu supaya menguasai pelbagai bidang dan memiliki jati diri teguh.

"Kita berusaha menjadikan orang Melayu yang tidak tahu berniaga boleh berniaga...tidak rajin kepada rajin serta berilmu. Inilah cabaran yang perlu diterjemah ahli Umno.

Najib juga mengingatkan ahli Umno supaya menolak budaya 'hulurisme' dan memilih pemimpin yang mengamalkan budaya politik wang.

"Budaya 'hulurisme' terutama dalam pertandingan pemilihan pucuk pimpinan parti perlu dihentikan segera kerana pemimpin yang dipilih bukan benar-benar menghayati perjuangan parti," katanya.



LAWATAN PENTING: Najib berbual dengan Borhan Kasim yang membawa beliau untuk merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Muar, semalam.

“Kita bukan nak lihat orang Melayu sekadar menempel tetapi gagah kerana kekuatan ekonomi, pendidikan dan kemasyarakatan”

Najib Tun Razak
Timbalan Presiden Umno

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
KEPIMPINAN
PERDANA